

Hubungan Penghayatan Akidah Dengan Ketenangan Hati Remaja

Norsaleha Mohd. Salleh¹

Ab. Halim Tamuri²

ABSTRACT

This survey has been done on 1520 form four students of Secondary School Student in Malaysia. The purpose of this study was to investigate the relationship between internalization of akidah (cognitive, effective and attitude) toward the peace of mind (self awareness, God awareness, hereafter awareness and social awareness) and peace of soul (self reassuring and self satisfied) of Secondary School Students in Malaysia. Two set of instrument were used; internalization of akidah scale and the peace of mind scale. The Pearson correlation analysis indicated a strong relationship between internalization of akidah with the peace of mind ($r = 0.770$, $p < 0.01$) and the peace of soul ($r = 0.674$, $p < 0.01$) among the students. This indicates the academic approach can be used to shape students personalities.

Keywords: internalization of akidah, peace of mind, God awareness, students personalities.

Pengenalan

Dalam konteks sosial, akidah merupakan tunjang yang berperanan melahirkan individu yang mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT dan seterusnya mempunyai kecerdasan emosi dan spiritual yang seimbang dengan amalan hidup dan tingkah laku. Ini berikutan sifat-sifat dan nilai-nilai yang ada dalam akidah Islam itu sendiri menekankan aspek-aspek keimanan, kerohanian, keilmuan, penghayatan dan amalan bagi melahirkan individu yang seimbang emosi, rohani dan akalunya dengan amalan dan tingkah laku fizikalnya (Sābiq 2003). Keruntuhan nilai akidah dalam diri seseorang bukan sahaja menjadi ancaman kepada kesejahteraan diri dan masyarakat (al-Qarādwī 2005) malah turut menjadi punca sebenar kepada kelemahan emosi dan spiritual seseorang yang mengakibatkan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti kecenderungan membunuh diri dan kemurungan (al-Kindī t.th.).

Permasalahan penghayatan akidah dalam kalangan remaja telah dibincangkan oleh Yahya (2004) dengan menyatakan tentang penglibatan golongan remaja dalam kegiatan yang boleh merosakkan akidah seperti terlibat dalam aktiviti *black metal*. Gejala *black metal* dikaitkan dengan aliran muzik liar, brutal dan songsang serta pemujaan syaitan yang berupaya memesongkan akidah dan menjerumuskan golongan remaja ke lembah keruntuhan akhlak yang serius seperti hubungan seks bebas, meminum arak, menghisap dadah, penyalahgunaan pil khayal, menghina Rasulullah SAW, memijak dan membakar al-Quran (Hazman 2011; Yahya

¹ Norsaleha Mohd, Salleh, MA Pengajian Islam (Usuluddin), Pensyarah Kanan Jabatan Usuluddin, KUIS, norsaleha@kuis.edu.my

² Ab. Halim Tamuri, Ph.D Pendidikan Islam, Prof. Madya. Dr. Rektor KUIS, tamuri@kuis.edu.my


2004 dan Wan Noor Afizaton 2003). Gangguan emosi akan berlaku apabila seseorang berhadapan dengan sesuatu yang mengganggu hati dan emosi akibat daripada tekanan orang sekeliling sehingga ia gagal membina mempunyai hubungan kemanusiaan yang baik dengan orang lain (Amber Haque 2001; Kartini 1982 dan Zakiah 1970, 1972). Masalah gangguan emosi kanak-kanak dan remaja Melayu telah meningkat sebanyak 8.5% iaitu daripada 11.9% pada tahun 1996 kepada 20.4% pada tahun 2006 (Kementerian kesihatan Malaysia 2008).

Permasalahan sosial golongan remaja seperti aktiviti rempit merupakan antara manifestasi ketandusan nilai kejiwaan dan spiritualiti yang menimpa golongan remaja (Haslinda et al. 2009). Perkara ini dilihat dari aspek harga diri dan nilai sendiri yang banyak mempengaruhi tindak tanduk seseorang melakukan sesuatu (Azizi & Jaafar 2006 dan Kasmini et al. 2002, 2004). Pendidikan akidah dapat membentuk keperibadian yang mulia, ikhlas, jujur, tabah dan sabar, bertanggungjawab, berani mengharungi cabaran dan sanggup mengorbankan emosi dan harta demi menegakkan kebenaran dan ajaran Ilahi (Yuseri Ahmad 2003; Zakaria Din dan Ab. Halim 2010). Justeru kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan penghayatan akidah dengan ketenangan hati dan ketenangan rohani pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Maklumat ini diharap dapat membantu menambah baik proses pengajaran pendidikan akidah selari dengan kehendak falsafah kebangsaan dan falsafah pendidikan Islam.

Metodologi

Sampel dan metod pengumpulan data

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan yang melibatkan analisis data deskriptif dan inferensi supaya pengkaji boleh membuat generalisasi ke atas populasi berdasarkan sampel yang dipilih. Kajian ini menggunakan tiga set soal selidik iaitu Skala Penghayatan Akidah, Skala Ketenangan Hati dan Skala Ketenangan Rohani. Pengumpulan data menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan pengedaran borang soal selidik kepada 1520 orang sampel tingkatan 4 daripada 24 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia yang dipilih secara rawak berstrata.



Rajah 1: Reka bentuk kajian

Instrumen Kajian

Instrumen penghayatan akidah diubah suai oleh pengkaji dengan merujuk kepada Model Pembelajaran Akidah oleh Ahmad Munawar (2009), Skala Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar oleh Azma (2006) dan Model Penghayatan Akidah Sayid Sābiq (2003). Mana kala Instrumen ketenangan hati dan rohani pula diubahsuai oleh pengkaji dengan merujuk kepada Model Ketenangan Hati oleh al-Ghazālī (t.th.), Model Spiritual Islam oleh Aliah (2006) dan Model Perkembangan Spiritual oleh Najātī (2005). Item tersebut telah diubahsuai mengikut kesesuaian budaya Islam di Malaysia.

a) Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen

i- Kesahan kandungan dan kesahan muka

Kesemua instrumen pengutipan data yang telah diubahsuai oleh pengkaji telah disahkan kandungannya oleh sembilan orang panel rujukan pakar. Berdasarkan perbincangan dengan pakar, pengkaji mengambil keputusan untuk membuang item yang didapati kurang menepati konstruk. Hanya item yang mempunyai 100% persetujuan sahaja yang diterima.

ii- Ujian Rintis dan nilai kebolehpercayaan instrument

Bagi menilai kebolehpercayaan terhadap instrumen yang digunakan, kajian rintis telah dijalankan terhadap 100 orang pelajar tingkatan 4 dengan tahap nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach yang diperoleh bagi semua instrumen adalah tinggi (>0.8). Secara keseluruhannya, sebahagian besar penyelidik mencadangkan bahawa nilai pekali alpha yang melebihi 0.8 lazimnya menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai satu instrumen (Bryman & Cramer 2011; Mohd. Salleh & Zaidatun 2001).

iii- Ujian normaliti

Ujian normaliti juga dilakukan ke atas sampel yang mengambil kertas Pendidikan Islam dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2012. Ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov menunjukkan nilai yang signifikan ialah 0.000. Walau bagaimanapun (Palant 2011) berpendapat nilai ini boleh diterima sebagai taburan normal kerana jumlah sampel kajian yang besar iaitu 1520 orang.

JADUAL 1 Ujian normaliti

Pembolehubah	Kolmogorov-Smirnov ^a		
	Statistik	df	Sig.
Penghayatan akidah	0.073	1520	0.000

^a Liliefors Significance Correction

iv- Faktor analisis

Keputusan ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan Bartlett terhadap semua angkubah adalah signifikan dengan nilai KMO 0.911 ($p = 0.000$). Menurut Kaiser (1974 dalam Norusis 1990),

Hubungan Penghayatan Akidah dengan Ketenangan Hati Remaja

e-ISSN : 2289-8042

Norsaleha Mohd. Salleh

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

nilai 0.90 ke atas adalah mengagumkan. Keputusan ini menunjukkan bahawa semua angkuabah mempunyai nilai faktorabiliti yang mencukupi dan analisis faktor boleh diteruskan.

JADUAL 3.6 Keputusan Ujian *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) dan Bartlett bagi konstruk Penghayatan Akidah, Ketenangan Hati dan Ketenangan Rohani.

<i>Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy</i>		0.911
<i>Bartlett's Test of Sphericity</i>	<i>Approx. Chi-Square</i>	9924.332
	<i>Df</i>	36
	<i>Sig.</i>	0.000

b) Analisis Korelasi

Analisis Korelasi digunakan bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah penghayatan akidah dan tahap ketenangan hati dan ketenangan rohani dalam kalangan responden. Pekali korelasi yang menggunakan prosedur *Bivariate Correlations* untuk mengukur kekuatan korelasi antara pembolehubah bersandar telah digunakan. Dalam hal ini, model korelasi Pearson telah digunakan kerana pembolehubah bersandar yang diuji menggunakan skala pengukuran sela (Cates 1990; Ary et al. 1996; Zaidatun & Mohd. Salleh 2003; Azhar 2006). Aras ujian keertian dua hala (*two-tailed test of significant*) ditetapkan pada aras 0.01 ($p < 0.01$) Manakala huraian terhadap nilai pekali yang diperolehi dilakukan dengan merujuk kepada tafsiran nilai pekali korelasi yang dirumuskan oleh Cohen (1988) seperti dalam jadual 2 di bawah.

JADUAL 3.12 Nilai Pekali Korelasi Cohen

Nilai pekali korelasi (r)	Tafsiran pekali
$r = 0.10 - 0.29$	Kecil/Rendah
$r = 0.30 - 0.49$	Sederhana Kukuh
$r = 0.50 - 1.0$	Besar/ Kukuh

Dapatan Kajian**a) Hubungan antara penghayatan akidah dengan ketenangan hati remaja**

Hasil analisis korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan antara penghayatan akidah dengan tahap ketenangan hati dalam kalangan responden dipaparkan dalam jadual 3 seperti berikut:

JADUAL 3 Korelasi penghayatan akidah dengan ketenangan hati responden

Pembolehubah	N	r	Sig (2- tailed)	Interpretasi
Penghayatan Akidah * Ketenangan Hati	1520	0.770	0.000	Kukuh

** Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$

Analisis Korelasi Pearson secara keseluruhan menunjukkan terdapat hubungan yang kukuh ($r = 0.770$, $p < 0.01$) antara penghayatan akidah dengan ketenangan hati responden. Bagi memperoleh hubungan yang lebih terperinci antara penghayatan akidah dengan ketenangan hati responden, jadual 4 dipaparkan seperti di bawah.

JADUAL 4 Korelasi antara penghayatan akidah dengan ketenangan hati responden

Pembolehubah	r	Sig. P
Kefahaman beriman kepada Allah * Ketenangan Hati	0.447**	0.000
Kefahaman beriman kepada Malaikat * Ketenangan Hati	0.297**	0.000
Kefahaman beriman kepada Rasul * Ketenangan Hati	0.407**	0.000
Kefahaman beriman kepada Kitab * Ketenangan Hati	0.473**	0.000
Kefahaman beriman kepada Hari Akhirat * Ketenangan Hati	0.437**	0.000
Kefahaman beriman kepada Qadak dan Qadar* Ketenangan Hati	0.353**	0.000
Perasaan beriman kepada Allah * Ketenangan Hati	0.505**	0.000
Perasaan beriman kepada Malaikat * Ketenangan Hati	0.530**	0.000
Perasaan beriman kepada Rasul * Ketenangan Hati	0.465**	0.000
Perasaan beriman kepada Kitab * Ketenangan Hati	0.542**	0.000
Perasaan beriman kepada Hari Akhirat * Ketenangan Hati	0.539**	0.000
Perasaan beriman kepada Qadak dan Qadar * Ketenangan Hati	0.505**	0.000
Amalan beriman kepada Allah * Ketenangan Hati	0.581**	0.000
Amalan beriman kepada Malaikat * Ketenangan Hati	0.400**	0.000
Amalan beriman kepada Rasul * Ketenangan Hati	0.504**	0.000
Amalan beriman kepada Kitab * Ketenangan Hati	0.337**	0.000
Amalan beriman kepada Hari Akhirat * Ketenangan Hati	0.547**	0.000
Amalan beriman kepada Qadak dan Qadar * Ketenangan Hati	0.453**	0.000

** Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$

N=1520

Analisis korelasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara penghayatan akidah dengan tahap ketenangan hati dalam kalangan responden dalam kajian ini seperti dalam jadual 4.63 di atas menunjukkan terdapat hubungan yang kukuh antara lapan kategori penghayatan akidah iaitu perasaan beriman kepada Allah ($r = 0.505$, $p < 0.01$), perasaan beriman kepada Malaikat ($r = 0.530$, $p < 0.01$), perasaan beriman kepada Kitab ($r = 0.542$, $p < 0.01$), perasaan beriman kepada Akhirat ($r = 0.539$, $p < 0.01$), perasaan beriman kepada Qadak dan Qadar ($r = 0.505$, $p < 0.01$), amalan beriman kepada Allah ($r = 0.581$, $p < 0.01$), amalan beriman kepada Rasul ($r = 0.504$, $p < 0.01$) dan amalan beriman kepada Akhirat ($r = 0.547$, $p < 0.01$) dengan tahap ketenangan hati dalam kalangan responden.

Hubungan Penghayatan Akidah dengan Ketenangan Hati Remaja

Kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana kukuh antara sembilan kategori penghayatan akidah iaitu kefahaman beriman kepada Allah ($r = 0.447, p < 0.01$), kefahaman beriman kepada Rasul ($r = 0.407, p < 0.01$), kefahaman beriman kepada Kitab ($r = 0.473, p < 0.01$), kefahaman beriman kepada Akhirat ($r = 0.437, p < 0.01$), kefahaman beriman kepada Qadak dan Qadar ($r = 0.353, p < 0.01$), perasaan beriman kepada Rasul ($r = 0.465, p < 0.01$), amalan beriman kepada Malaikat ($r = 0.400, p < 0.01$), amalan beriman kepada Kitab ($r = 0.337, p < 0.01$) dan amalan beriman kepada Qadak dan Qadar ($r = 0.453, p < 0.01$) dengan tahap ketenangan hati dalam kalangan responden. Analisis korelasi mengikut kategori ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tetapi rendah pada satu kategori penghayatan akidah iaitu kefahaman beriman kepada Malaikat ($r = 0.297, p < 0.01$) dengan tahap ketenangan hati responden. Secara keseluruhan analisis hubungan ini menunjukkan wujud hubungan yang kukuh ($r = 0.770, p < 0.01$) antara penghayatan akidah dengan tahap ketenangan hati dalam kalangan responden.

b) Hubungan antara penghayatan akidah dengan ketenangan rohani pelajar

Hasil analisis korelasi Pearson untuk mengenal pasti hubungan antara penghayatan akidah dengan tahap ketenangan rohani dalam kalangan responden dipaparkan dalam jadual 5 seperti berikut:

JADUAL 5 Korelasi penghayatan akidah dengan ketenangan rohani responden

Pembolehubah	N	r	Sig (2- tailed)	Interpretasi
Penghayatan Akidah * Ketenangan Rohani	1520	0.674	0.000	Kukuh

** Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$

Analisis Korelasi Pearson secara keseluruhan dalam jadual 4.64 mengenai hubungan antara penghayatan akidah dengan ketenangan rohani responden menunjukkan hubungan yang kukuh ($r = 0.674, p < 0.01$). Bagi memperoleh hubungan yang lebih terperinci antara penghayatan akidah dengan ketenangan rohani responden, jadual 6 dipaparkan seperti di bawah.

JADUAL 6 Korelasi antara penghayatan akidah dengan ketenangan rohani responden

Pembolehubah	r	Sig. P
Kefahaman beriman kepada Allah * Ketenangan Rohani	0.401**	0.000
Kefahaman beriman kepada Malaikat * Ketenangan Rohani	0.295**	0.000
Kefahaman beriman kepada Rasul * Ketenangan Rohani	0.381**	0.000
Kefahaman beriman kepada Kitab * Ketenangan Rohani	0.461**	0.000
Kefahaman beriman kepada Hari Akhirat * Ketenangan Rohani	0.436**	0.000
Kefahaman beriman kepada Qadak dan Qadar * Ketenangan Rohani	0.323**	0.000
Perasaan beriman kepada Allah * Ketenangan Rohani	0.447**	0.000
Perasaan beriman kepada Malaikat * Ketenangan Rohani	0.482**	0.000
Perasaan beriman kepada Rasul * Ketenangan Rohani	0.463**	0.000
Perasaan beriman kepada Kitab * Ketenangan Rohani	0.509**	0.000
Perasaan beriman kepada Hari Akhirat * Ketenangan Rohani	0.512**	0.000
Perasaan beriman kepada Qadak dan Qadar * Ketenangan Rohani	0.435**	0.000
Amalan beriman kepada Allah * Ketenangan Rohani	0.456**	0.000
Amalan beriman kepada Malaikat * Ketenangan Rohani	0.350**	0.000
Amalan beriman kepada Rasul * Ketenangan Rohani	0.400**	0.000
Amalan beriman kepada Kitab * Ketenangan Rohani	0.244**	0.000
Amalan beriman kepada Hari Akhirat * Ketenangan Rohani	0.409**	0.000
Amalan beriman kepada Qadak dan Qadar * Ketenangan Rohani	0.384**	0.000

** Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$ $N=1520$

Analisis korelasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara penghayatan akidah dengan tahap ketenangan rohani dalam kalangan responden dalam kajian ini seperti dalam jadual 4.65 di atas menunjukkan terdapat hubungan yang kukuh pada dua kategori penghayatan akidah iaitu perasaan beriman kepada kitab ($r = 0.509$, $p < 0.01$) dan perasaan beriman kepada Akhirat ($r = 0.512$, $p < 0.01$) dengan tahap ketenangan hati. Kajian juga menunjukkan hubungan yang sederhana kukuh antara 14 kategori penghayatan akidah iaitu kefahaman beriman kepada Allah ($r = 0.401$, $p < 0.01$), kefahaman beriman kepada Rasul ($r = 0.381$, $p < 0.01$), kefahaman beriman kepada Kitab ($r = 0.461$, $p < 0.01$), kefahaman beriman kepada Akhirat ($r = 0.436$, $p < 0.01$), kefahaman beriman kepada Qadak dan Qadar ($r = 0.323$, $p < 0.01$), perasaan beriman kepada Allah ($r = 0.447$, $p < 0.01$), perasaan beriman kepada Malaikat ($r = 0.482$, $p < 0.01$), perasaan beriman kepada Rasul ($r = 0.463$, $p < 0.01$), perasaan beriman kepada Qadak dan Qadar ($r = 0.435$, $p < 0.01$), amalan beriman kepada Allah ($r = 0.456$, $p < 0.01$), amalan beriman kepada Malaikat ($r = 0.350$, $p < 0.01$), amalan beriman kepada Rasul ($r = 0.400$, $p < 0.01$), amalan beriman kepada Akhirat ($r = 0.409$, $p < 0.01$) dan amalan beriman kepada Qadak dan Qadar ($r = 0.384$, $p < 0.01$) dengan tahap ketenangan rohani dalam kalangan responden.

Analisis korelasi mengikut kategori ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tetapi rendah antara dua kategori penghayatan akidah iaitu kefahaman beriman kepada Malaikat ($r = 0.295$, $p < 0.01$) dan amalan beriman kepada Kitab ($r = 0.244$, $p < 0.01$) dengan tahap ketenangan rohani responden. Secara keseluruhan analisis hubungan ini menunjukkan wujud hubungan yang kukuh ($r = 0.674$, $p < 0.01$) antara penghayatan akidah dengan tahap ketenangan rohani dalam kalangan responden.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil analisis dapatan kajian menunjukkan tahap penghayatan akidah pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia adalah tinggi. Selain itu hasil analisis juga mendapati wujudnya korelasi yang positif antara penghayatan akidah pelajar dengan tahap ketenangan hati dan ketenangan rohani. Di mana kekuatan hubungan yang diperoleh adalah pada tahap kukuh. Walau bagaimanapun, hasil analisis korelasi mengikut kategori menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana kukuh dalam beberapa kategori. Ini menunjukkan tahap ketenangan hati pelajar turut dipengaruhi oleh tahap penghayatan akidah mereka. Dapatan kajian seterusnya memberi gambaran bahawa semakin tinggi tahap penghayatan akidah pelajar, semakin tinggi tahap ketenangan hati mereka.

Rujukan

- Ahmad Munawar Ismail. 2009. *Pengaruh akidah terhadap penghayatan akhlak pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Bangi: UKM. Aliah 2006
- Aliah B. Purwakania Hasan. 2006. *Psikologi perkembangan Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Amber Haque. 2001. *Mental health in Malaysia issues and concerns*. Kuala Lumpur. Universti Malaya.

Hubungan Penghayatan Akidah dengan Ketenangan Hati Remaja

e-ISSN : 2289-8042

Norsaleha Mohd. Salleh

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

- Ary, D., Jacobs, L. C. & Razavieh, A. 1996. *Introduction to research in education*. Orlando, Florida: Harcourt Brace College Publishers.
- Azizi Yahya dan Jaafar Sidek. 2006. *Membentuk identiti remaja*. PTS Profesional: Publishing Sdn. Bhd.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi pembelajaran pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Bangi: UKM.
- Azma Mahmood. 2006. *Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Bangi: UKM.
- Bryman, A. & Cramer, D. 1999. *Quantitative data analysis with SPSS release 8 for windows: A guide for social scientists*. London: Routledge.
- Cates, W. M. 1990. *Panduan amali untuk penyelidikan pendidikan*. Terj. Syaharom Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2000. *Research methods in education*. Ed: ke-5. London: Routledge Falmer.
- Al-Ghazālī, Abū Hamīd Muhammad ibn Muhammad. T. Thn. *Ihya' ulum al-din*. Kaherah: Dar al-Tauzī^c wa al-Nasyr al-Islāmiyah.
- Haslinda Abdullah. 2009. Dlm Haslinda Abdullah, Turiman Suandi, Abd. Halim Sidek, Sarjit S. Gill, Nobaya Ahmad dan Dzuhailmi Dahalan. *Belia dan pembangunan modal insan*. Serdang: UPM.
- Hazman Hassan. 2011. *Pengaruh satanisme dalam fenomena metal di Malaysia: Analisa dari perspektif akidah Islam*. Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Islam: UM.
- Kartini Kartono. 1974. *Teori-teori keperibadian dan mental hygiene*. Bandung: Penerbit Alumni.
- Kasmini Kassim. 2002. *Delinkuensi juvana: Sebuah laporan kajian*. Kuala Lumpur: Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia.
- Kasmini Kassim. 2004. *Kesihatan mental kanak-kanak dan remaja: Asas pembentukan gaya hidup sihat sepanjang hayat*. Dlm. Siti Fatimah Abd. Rahman, Khairul Azhar Idris & Abu Bakar Yang. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- al-Kindī, Abū Yūsuf Ya^cqūb ibn Ishāq. T. Thn. Risālah al-hīlah li daf^ci al-ahzān. Dlm. ^cAbd al-Rahmān Badawī (pnyt.). *Rasā'il falsafiyah*. Bayrūt: Dār Andalus.
- Najāty, Muhammad ^cUthmān dan al-Sayid, ^cAbd al-Halīm Mahmūd. 2005. *Ilm al-nafs fī al-turāth al-Islāmī*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Pallant, J. 2011. *SPSS survival manual*. National Library of Australia: Allen & Unwin
- al-Qarādawī, Yūsuf. 2005. *Iman dan kehidupan*. Terj. Fachrudin HS. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Sābiq, Sayed. 2003. *Al-^cAqa'id al-Islamiyyah*. Kaherah: al-Fath li al-^cilm al-^cAraby.
- Wan Noor Afizaton Liza Wan Othman. 2003. *Black metal: Keruntuhan akhlak di kalangan remaja Islam*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Bangi:UKM.
- Yahya Ibrahim. 2004. Etiologi masalah sosial: Kajian terhadap remaja di Sungai Petani, Kedah. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*. 2004. 20: 47-66.
- Yuseri Ahmad. 2003. *Peranan pendidikan Islam dalam pengukuhan akidah di kalangan pelajar: Kajian kes di sekolah-sekolah menengah Daerah Temerloh dan Kuantan*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Bangi: UKM
- Zanaton Tasir & Mohd. Salleh Abu. 2003. *Analisis data berkomputer: SPSS 11.5 for windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.

- Zakaria Din @ Nasirudin dan Ab. Halim. 2010. Pendekatan bersepadu pengajaran dan pembelajaran akidah. Dlm. Ab. Halim Dan Nik Rahimi Nik Yusoff (pytg). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*. Bangi: UKM.
- Zakiah Daradjat. 1972. *Kesihatan mental*. Jakarta: Gunung Agung.
- Zakiah Daradjat. 1970. *Peranan agama dalam kesihatan mental*. Cet. Ke-2. Jakarta: Gunung Agung.